

14/09/1998

SOM III bincang dua perkara

KUANTAN, Ahad - Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan (SOM III) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang bermula di sini hari ini, membincangkan dua perkara utama iaitu Liberalisasi Perdagangan, Pelaburan dan Fasilitasi (TILF) serta Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (Ecotech).

Pengerusi SOM, Abdul Razak Ramli, berkata melalui TILF, beberapa perkara terperinci dibincangkan, termasuk Pelan Tindakan Individu (IAP), Pelan Tindakan Bersama dan kajian mengenai kesan liberalisasi perdagangan.

Beliau berkata, mesyuarat itu mengulangi pendirian bahawa IAP akan kekal sebagai mekanisme utama bagi mencapai matlamat Apec.

IAP itu akan disiapkan sebelum November untuk dikemukakan kepada mesyuarat Menteri Apec Ke-10 di Kuala Lumpur.

"Kami turut menumpukan kepada persediaan bagi mesyuarat tidak rasmi Ketua Negara Apec yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 dan 18 November depan.

"Dalam tempoh dua hari lagi, mesyuarat SOM itu akan membincangkan Pembukaan Awal Sektor Tertentu Secara Sukarela (EVSL) selain kerjasama ekonomi dan teknikal, terutama perkara berkaitan dengan program tindakan bagi pembangunan kemahiran, agenda bagi sains dan teknologi dalam bidang industri dalam abad ke-21.

(END)